

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan Lembah Bujang

Sejarah Kedah Tua boleh dikatakan bermula di kawasan Lembah Bujang.<sup>1</sup> Mengikut pendapat ahli sejarah<sup>2</sup> di antara abad ke 4 sehingga abad ke 14 M di Tanah Melayu diduga telah wujud sebuah pusat penempatan yang berpusat di Lembah Bujang. Penempatan ini kemudiannya telah berkembang sebagai pusat perdagangan dan juga pusat penyebaran kebudayaan / ajaran Hindu dan Buddha. Berdasarkan kepada sumber-sumber bertulis asing seperti sumber daripada India kerajaan ini dikenali sebagai “*Kataha*” atau di dalam bahasa Sanskrit disebut “*Katahanagara*”.<sup>3</sup> Di dalam bahasa Tamil pula kerajaan ini dikenali sebagai “*Kidaram*”, “*Kadaram*” yang bermaksud kuali besar dan “*Kalagam*” yang bermaksud warna hitam.<sup>4</sup> Kerajaan ini juga mungkin adalah sama dengan “*Kalah*” seperti yang tercatat di dalam sumber-sumber Arab sekitar abad ke 8 / 9 Masehi. Di antara sumber-sumber Arab tersebut ada menyebutkan mengenai sebuah pusat

---

<sup>1</sup> Kawasan yang dimaksudkan sebagai wilayah Lembah Bujang sila lihat halaman 9 di dalam Bab 1 dan perbincangan tentang istilah “Lembah Bujang” boleh dirujuk kepada Bab 6 tesis ini.

<sup>2</sup> Lihat Roland Braddell , “ Most ancient Kedah ” dalam *Lembah Bujang*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm . 32-33, lihat Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1961, hlm. 195, dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman and Othman Mohd Yatim, *Antiquities of Bujang Valley*, Kuala Lumpur : Museum Association of Malaysia, 1990, hlm. 1- 2.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> Zakiah Hanum, *Asal-usul Negeri-negeri Di Malaysia*, Selangor : Cetakan Fong and Sons, 1988 , hlm. 15.

perdagangan yang dikenali sebagai “*Kalah*” ataupun “*Kalah-bar*” dan lokasinya dipercayai berada di rantau Asia Tenggara.<sup>5</sup>

Di antara hasil perdagangan terkenal yang dikeluarkan daripada pusat perdagangan ini adalah bijih timah. Akhbar as-Sin Wa'l-Hind menyatakan “*bar*” di dalam bahasa Arab bermaksud kerajaan ataupun pesisir pantai.<sup>6</sup> Berdasarkan kepada pendapat beliau “*Kalah-bar*” merupakan sebuah kerajaan yang lokasinya berdekatan dengan pesisir pantai. Beliau juga menyatakan “*Kalah-bar*” merupakan sebuah kerajaan yang berada di bawah penguasaan al-Zabaj ( Sriwijaya

Sulayman pula menggambarkan kerajaan “*Kalah*” adalah merupakan jajahan kepada Srivijaya dan juga merupakan pusat persinggahan para pelayar untuk mendapatkan bekalan air bersih.

“ ... *bar designates both a kingdoms and a coast... Kalah-bar he says, is a dependency of Djawaga, i.e Sriwijaya, Palembang. At Kalah bar the ship got well-water is preferable to spring or rain water...* ”<sup>8</sup>

Sehubungan dengan itu jelaslah betapa “*Kataha*”, “*Kadaram*”, “*Kidaram*”, “*Kalagam*” ataupun “*Kalah*” merupakan sebuah kerajaan yang telah mempunyai kebudayaan yang tinggi dan makmur sehingga disinggahi oleh para

---

<sup>5</sup> Lokasi *Kalah* telah sering dipertikaikan oleh para sarjana. Lihat Braddell, *op.cit.*, hlm. 27; Wheatley, *op.cit.*, hlm. 222 - 224.

<sup>6</sup> Wheatley, *op.cit.*, hlm. 216.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm. 217.

<sup>8</sup> Roland Braddell, “ Notes on ancient times in Malaya ” *JMBRAS*, vol. XXIII ( Part 1 ), 1950, hlm. 22.

pedagang. Hal ini diperkuatkan lagi dengan tulisan Abu Dulaf Misa'r yang menyatakan Kalah adalah sebuah kerajaan yang besar dengan dikelilingi oleh tembok, berbagai taman bunga, kemudahan sumber air, pasar dan juga rumah dengan jumlah penduduk yang ramai.

*“ ...he found Kalah ( sic ) to be very large, surrounded by big walls, with numerous gardens and abundant streams of water... A round Kalah there was a succession of towns, small market-town, and gatherings of houses.”<sup>9</sup>*

Berdasarkan kepada catatan para pedagang Arab masyarakat “Kalah” pada waktu tersebut digambarkan memakai pakaian seperti kain yang longgar (*futah*).<sup>10</sup>

*“ [ The people ] are all subject to the authority of a king, and they dress in Futah, Both the nobility and the common people are clothed only in one futah ”<sup>11</sup>*

Abu Dulaf menambah lagi masyarakat “Kalah” dikatakan tinggal di dalam kota mengamalkan pekerjaan sebagai tukang besi (pedang), masyarakat “Kalah” juga digambarkan memakan haiwan tanpa disembelih sementara untuk tujuan membersihkan diri mereka mandi di sungai. Dari segi makanan pula mereka memakan gandum, sayur-sayuran yang dijual dalam kiraan berat dan roti yang dijual dalam kiraan jumlah. Dari segi pakaian pula mereka digambarkan memakai

---

<sup>9</sup> Braddell, “ Notes on ancient...”, hlm. 23

<sup>10</sup> “ *Futah* ” di dalam bahasa Arab adalah kain pada bahagian pinggangnya dilonggarkan. Paul Wheatley menganggap “ *futah* ” berkenaan sebagai kain sarong.

<sup>11</sup> Wheatley, *op.cit.*, hlm. 216-217 .

*Firand*<sup>12</sup> yang sangat halus. Sementara dari segi sosial pula masyarakat “ *Kalah* ” telah mempunyai sistem yang teratur daripada segi keadilan, layanan terhadap pesalah ( tahanan ) dan juga hal-hal yang berkaitan dengan denda.<sup>13</sup>

Hasil daripada kemakmuran yang telah diperolehi oleh masyarakat Lembah Bujang ( Kedah Tua ) serta peranan sungai seperti Sungai Merbok, Sungai Bujang dan Sungai Muda yang dapat dilayari sehingga ke pedalaman telah memberi kesempatan kepada pedagang dan mubaligh Buddha menyebarkan kepercayaan kepada masyarakat tempatan. Hasil daripada kemakmuran yang telah diperolehi juga telah memberikan ruang kepada mereka untuk mengisi kekosongan jiwa. Sebagai tanda pengisian rohani mereka dapat diperhatikan kepada peninggalan candi, seni arca Hindu-Buddha dan artifak seni arca yang berhubung kait dengan keagamaan Hindu-Buddha.

Lembah Bujang ataupun Kedah Tua sedikit sebanyak jelas merupakan tempat tumpuan para pedagang dan kemudianya berperanan terhadap penyebaran keagamaan Hindu dan Buddha dan berdasarkan kepada catatan penggembala Buddha Cina yang bernama I - Ching pada abad ke 7 M beliau menyatakan telah singgah di suatu tempat yang bernama “ *Chieh Cha* ” yang diduga adalah negeri Kedah Tua ( Lembah Bujang ).

*“ After his first visit to Srivijaya I-Ching went to Mo-lo-yu where he stayed for 2 months and then, changing his direction, went to Chieh-ch'a... ”<sup>14</sup>*

---

<sup>12</sup> “ Firand ” berdasarkan kepada pendapat Ibn Khurdadhbih adalah sejenis sutera yang diimport daripada China. Kemungkinan juga apa yang dimaksudkan oleh Abu Dulaf ini merujuk kepada kain sarong yang banyak dipakai oleh masyarakat Melayu sekarang.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 216-217 .

<sup>14</sup> Braddell, “ Notes on ancient ... ”, hlm. 19.

Sumber bertulis barat juga pernah menyentuh mengenai keberadaan Kedah Tua. Hal ini didasarkan kepada catatan seorang kapten Inggeris bernama Sherard Osburn pada tahun 1857 mengesahkan Kedah dikenali sebagai “*Quedah* ” dan ahli geografi Belanda bernama Hollander Jansonius menyatakan “*Quedah* ” terletak di tebing muara sebuah sungai dan Van Linschoten’s menyebut Kedah sebagai “*Quedaram* ”.<sup>15</sup> Berdasarkan kepada catatan di atas adalah jelas Kedah Tua masih dapat menarik minat para pedagang asing untuk beberapa kurun selepas zaman kegemilangannya sebagai pusat perdagangan serantau. Kelebihan Lembah Bujang adalah mempunyai muara-muara sungai seperti Sungai Bujang, Sungai Merbok dan juga Sungai Muda yang dalam serta sesuai untuk dilayari oleh kapal pedagang asing disamping merupakan juga tempat persinggahan kapal pedagang dalam laluan dari timur ke barat.

Pada tahap awal pendirian kerajaan “*Kataha* ” atau “*Chieh-Ch'a* ” ianya adalah merupakan sebuah kerajaan yang merdeka dan berdiri sendiri, tetapi sekitar abad ke 7 M ia telah menjadi sebahagian daripada empayar Kerajaan Srivijaya. Pada tahun 1025, Raja Rajendra 1 ( Raja Cholamandela ) daripada India Selatan telah menyerang empayar Srivijaya termasuklah “*Katahanagara* ”. Sesetengah sumber menyatakan serangan tersebut telah dilakukan pada tahun 1027 ketika itu diketuai oleh Rajendra Coladewa . Penyerangan ini telah tercatat di dalam prasasti Rajendracoladewa di Tanjore berangka tahun sekitar 1030-1031. Pada waktu serangan tersebut Sriwijaya diperintah oleh raja Sanggramawijayottungawarman.

“*Pada tahun 1027 itulah Rajendra Coladewa melakukan serangan besar-besaran terhadap Kadaram atau Kataha dan raja Sriwijaya* ”<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> G. Mohamed Khan, *History of Kedah*, Penang : Premier Press, 1958, hlm. 2.

<sup>16</sup> Sartono Kartodirdjo, ( ed. ), *Sejarah Nasional Indonesia*, Jakarta : Departemen Pendidikan dan Kebudayaan , Jakarta : Percetakan P.T Grafitas, 1975, hlm. 60.

*“ Pada tahun 1025 Maharaja Rajendra ( 1016-1044 ) dari India Selatan telah menakluki ibu kota Sriwijaya dan kebanyakan dari jajahannya seperti Palembang, Malayur, Jambi dan Pane di Sumatera Timur : Aceh di Sumatera Utara, Langkasuka ( Ligor ), Tokola, Tambralingga, Kedah dan Temasik di Semenanjung Tanah Melayu dan juga pulau Nicobar ”<sup>17</sup>*

Walau bagaimanapun sekitar tahun 1068, “ *Katahanagara* ” telah sekali lagi diserang oleh raja Chola yang bernama Wirajendra ( cucu Rajendracola ). Pada serangan ini beliau telah sekali lagi berjaya menakluki Kadaram tetapi kemudiannya telah menyerahkan tahta kerajaan tersebut kepada rajanya setelah raja Kadaram bersetuju untuk menyembah kakinya.<sup>18</sup> Secara tidak langsung tindakan yang telah diambil oleh Wirarajendra telah membebaskan kerajaan Kadaram daripada pengaruh Sriwijaya.

Bermula daripada abad ke 7 M sehingga abad ke 13 M, Semenanjung Tanah Melayu merupakan sebahagian daripada jajahan takluk Kerajaan Srivijaya, iaitu sebuah kerajaan yang menguasai jalan laut dan perdagangan sepanjang Selat Melaka di samping menjadi sebuah pusat penyebaran ajaran Buddha. Sewaktu kerajaan Srivijaya berada di puncaknya banyak saudagar daripada negara Timur Tengah, Parsi, India dan China telah datang berdagang di pelabuhan Srivijaya. Raja Srivijaya sangat dipengaruhi oleh ajaran serta kebudayaan daripada India serta menggalakkan pembinaan candi Buddha. Kerajaan Srivijaya juga telah menjalankan hubungan yang rapat dengan pusat-pusat pengajian Buddha yang terdapat di Nalanda. Bahkan I-Ching pernah menyatakan sewaktu dalam perjalanan pulang ke Negeri China daripada Nalanda beliau telah singgah di Srivijaya dan di

---

<sup>17</sup> Raja Mohd Affandi, *Tokoh-tokoh Melayu yang agung dalam sejarah*, Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka , 1974 , hlm. 15.

<sup>18</sup> *Ibid*, hlm. 60-61.

sana terdapat sekitar 1000 orang para bhiksu Buddha.

Kesan pengaruh daripada empayar Srivijaya di Semenanjung Tanah Melayu pada waktu tersebut dapat dilihat berdasarkan kepada jumpaan artifak di negeri Perak, Perlis dan Kedah. Di negari Perlis telah dijumpai begitu banyak kepingan tanah liat ( “ *clay votive tablets* ” ) yang ditulis dengan mantra ajaran Buddha. Kesemuanya ini telah dijumpai di dalam gua batu kapor terutamanya di Bintong. Di negeri Perak, beberapa buah patung gangsa telah dijumpai di antaranya arca Avalokiteswara di Lembah Kinta <sup>19</sup> dan juga arca Guru yang dijumpai di Jalong, Perak<sup>20</sup> yang mempunyai unsur Buddha dan mempunyai persamaan dengan pengaruh arca yang terdapat di Srivijaya. Berbanding dengan jumpaan-jumpaan yang telah disebutkan di negeri Perlis dan juga Perak adalah jelas bahawa pengaruh Sriwijaya ke atas negeri Kedah adalah lebih menonjol. Bukti-bukti yang telah banyak dikesan di Lembah Bujang, ini termasuklah bekas tapak candi berunsur Buddha dan juga berunsur Hindu<sup>21</sup> disamping beberapa seni arca dewa Hindu dan juga arca keagamaan Buddha serta beberapa arca yang berkaitan dengan keagamaan yang mempunyai kemiripan dengan yang terdapat di Sumatera. <sup>22</sup>

Berdasarkan kepada penghuraian di atas adalah jelas kawasan di sekitar Lembah Bujang ini merupakan sebuah kawasan utama yang telah menerima

---

<sup>19</sup> Lihat foto 1.

<sup>20</sup> Lihat foto 2.

<sup>21</sup> Jumlah candi Hindu Buddha yang telah dapat dibina kembali di Lembah Bujang berjumlah 8 buah iaitu Tapak 8, Tapak 16, Tapak 21 dan 22, Tapak 19, Tapak 5, Tapak 11/3 dan Tapak 50. Sementara Tapak 31 telah dibiarkan tanpa sebarang rekonstruksi. Tapak Tanah Bersejarah di Lembah Bujang bermula daripada awal penelitiannya pada tahun 1840 an hingga sekarang berjumlah sekitar 41 buah tapak. Lihat peta 1 dan 2.

<sup>22</sup> Lihat Alastair Lamb, “ Chandi Bukit Batu Pahat : Some additional notes ”, *FMJ*, vol. VI, 1961, hlm. 1 - 9; dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, *Arkeologi, seni dan kerajaan kuno Sumatera sebelum abad ke -14*, Kuala Lumpur : Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, 1992, hlm. 85 dan lihat foto 4.8, foto 4.9, foto 4.10, foto 4.11 dan foto 4.12 ( d ) dalam buku berkenaan.

banyak pengaruh daripada luar termasuklah pengaruh Sriwijaya dan ini mencerminkan kepentingan Lembah Bujang di dalam sejarah Semenanjung Tanah Melayu pada zaman proto-sejarah berkenaan.

## **1.2 Peninggalan Arkeologi dan Kajian Sejarah Lembah Bujang**

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa penulisan sejarah di Kedah Tua amat bergantung kepada peninggalan-peninggalan arkeologi di Lembah Bujang. Walaupun pada awalnya terdapat data bertulis yang telah direkodkan berdasarkan kepada sumber asing seperti yang telah dibahaskan di atas tetapi ianya masih belum mencukupi untuk memperjelaskan sejarah dan ketamadunan Lembah Bujang itu sendiri. Sumber bertulis yang ada hanyalah berdasarkan kepada beberapa prasasti atau inskripsi batu bersurat yang telah dijumpai di sekitar Lembah Bujang. Berdasarkan hal tersebut kerja arkeologi masih merupakan cara utama bagi kita untuk mengetahui mengenai sejarah Lembah Bujang pada waktu tersebut. Data yang menarik di Lembah Bujang adalah merupakan penemuan banyak tapak candi Hindu-Buddha ( berjumlah sembilan buah ), beberapa arca Hindu dan arca Buddha dan jumpaan-jumpaan seramik ( tembikar tanah serta tembikar *stoneware* ), celadon, manik, serpihan kaca, porselin, dan pelbagai jenis artifak lagi yang berhubungan dengan perdagangan. Sungguh pun demikian peninggalan yang amat menarik untuk dibahas seterusnya adalah peninggalan yang berhubungan dengan data arkeologi berpengaruh zaman Hindu-Buddha di Lembah Bujang.

Takrifan berhubung dengan keluasan daerah yang dikenali sebagai Lembah Bujang ( Kedah Tua ) meliputi kawasan selatan Kedah kini termasuk kawasan Seberang Prai :

*“... Lembah Bujang didefinasikan sebagai meliputi kawasan seluas 140 batu persegi yang bersempadankan Gunung Jerai di antara Sungai Muda di selatan, lebuh raya utara/selatan di timur dan Selat Melaka di barat. Namun begitu terdapat juga tapak-tapak arkeologi yang sezaman dengan Lembah Bujang yang terletak di luar zon yang dimaksudkan seperti Bukit Choras, Sungai Sala utara dan Cherok Tokun di Bukit Mertajam ”<sup>23</sup>*

Permulaan penyelidikan terhadap peninggalan arkeologi zaman proto-sejarah di Lembah Bujang telah dimulai sekitar tahun 1840 an oleh Kolonel James Low.<sup>24</sup> Pada waktu itu beliau telah menemukan secara tidak sengaja runtuhan bangunan yang diduga sebagai struktur bangunan candi dan juga inskripsi batu bersurat “*Buddhagupta*” dan batu bersurat Cherok Tokun di Seberang Prai. Penemuan ini secara tidak langsung telah menarik perhatian sarjana untuk melakukan penyelidikan yang lebih serius terhadap peninggalan data arkeologi berunsur Hindu-Buddha di Lembah Bujang.

Penemuan kali kedua berhubung dengan peninggalan Hindu-Buddha purba di Lembah Bujang telah dilaporkan oleh dua orang petugas ukur yang bertugas di Puncak Gunung Jerai. Jumpaan ini ditemui secara tidak sengaja dan berdasarkan kepada laporan yang telah mereka buat diduga ianya adalah sebuah bekas tapak bangunan candi.<sup>25</sup>

---

<sup>23</sup> Adi Hj. Taha, “Perkembangan sejarah awal Negeri Kedah berdasarkan penemuan bahan-bahan arkeologi” *Dokumentasi konvensyen sejarah Negeri Kedah Darul Aman*, Kedah : Lembaga Muzium Negeri Kedah, 1991 , hlm. 20.

<sup>24</sup> Michael Sullivan, “Excavations in Kedah and Province Wellesley , 1957 ” *JMBRAS*, vol. XXXI ( Part 1 ), 1958, hlm. 190.

<sup>25</sup> F.W Irby, “A short account of some “ancient remain” found on Gunong Jerai, Kedah”, *JFMSM*, vol. 1, 1905, hlm. 77.

Di antara tahun 1921-1923 I.H.N Evans telah melakukan kajian di Sungai Batu dan hasilnya beliau telah menemukan arca Durga Mahisasura dan arca Ganesha. Berdasarkan kepada penemuan tersebut James Low dan juga Evans telah berpendapat artifak dan juga candi yang telah ditemui di sekitar Lembah Bujang pada waktu tersebut mempunyai perkaitan dengan unsur difusi oleh masyarakat India yang mengamalkan ajaran Hindu-Buddha. Evans juga berpendapat masyarakat yang bertanggungjawab terhadap pembinaan candi di Sungai Batu adalah terdiri para pedagang ataupun buruh yang berasal daripada India dan bukannya dibuat oleh masyarakat tempatan.

*" ... It would seem likely that the ancient Hindu inhabitants of Sungai Batu, who built the shrine, were foreign traders or miners, not Malays... " <sup>26</sup>*

Sehubungan dengan temuan artifak tersebut, beliau mengandaikan masyarakat di sekitar Sungai Batu pada waktu tersebut berfahaman kepada pemujaan kepada dewa Siwa.<sup>27</sup> Evans juga berpendapat berdasarkan kepada beberapa artifak yang juga telah ditemui di Sungai Batu seperti kepala Nandi yang telah pecah pada sebahagian daripadanya menguatkan lagi pendapat beliau kemungkinan disebabkan oleh proses kemasukan Islam yang kemudiannya menjadi anutan ramai di Lembah Bujang termasuklah di Sungai Batu.<sup>28</sup>

Di antara tahun 1937-1938 penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang telah di lakukan dengan kaedah yang lebih bersistematik dan teratur. Penyelidikan tersebut telah dipelopori oleh Dr. Quaritch Wales bersama-sama dengan isterinya Dorothy-Wales. Dalam jangka masa tersebut beliau telah melakukan penyelidikan

---

<sup>26</sup> I.H.N. Evans, "Result of an expedition to Kedah" *JFMSM*, vol.XII ( 3 ), 1926, hlm. 78 .

<sup>27</sup> *Ibid*, hlm. 76.

<sup>28</sup> *Ibid*, hlm. 78.

di 30 buah tapak, di sekitar Lembah Bujang. Penyelidikan yang dilakukan oleh Wales suami isteri adalah di atas tanggungan *Greater India Research Committee* yang berpusat di Calcutta, India. Penyelidikan yang dilakukan oleh mereka bermatlamatkan kepada dua perkara pokok , iaitu untuk melihat sejauh mana terdapat penyebaran pengaruh India di rantau Asia Tenggara berdasarkan bukti-bukti arkeologi di Lembah Bujang ( ianya adalah sebagai satu analisis perbandingan dengan pendapat para sarjana yang lebih cenderung menyatakan sebagai proses Indianisasi ) dan sebagai pembuktian kewujudan Lembah Bujang sebagai tumpuan utama penyebaran pengaruh Hindu-Buddha dan tumpuan pedagang daripada India.

Penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang telah diteruskan kembali pada tahun 1956 oleh Persatuan Arkeologi Universiti Malaya pada waktu itu berpusat di Singapura. Di bawah penyeliaan K.G Tregonning dan M. Sullivan dan beberapa galicari telah dilakukan di sekitar Seberang Prai dan juga Lembah Bujang. Di antara kawasan yang turut menjadi tumpuan survei adalah Kampung Guak Kepah,<sup>29</sup> Neo Bah Estate ( Tikam Batu ), Kampung Matang Pasir, Bukit Batu Lintang, Kampung Sireh, Kampung Pokok Kabu, Kampung Pinang Tunggal dan Kampung Pulau Seberang Prai.<sup>30</sup> Survei yang dilakukan oleh tim Universiti Malaya ini lebih kepada mengesan kembali tapak bersejarah berdasarkan kepada penelitian yang telah dilakukan oleh para peneliti yang terdahulu. Berdasarkan kepada laporan yang telah dikeluarkan tiada temuan penting berunsur Hindu-Buddha yang telah dijumpai.

Penyelidikan arkeologi dan teknik galicari yang dilakukan dengan lebih

---

<sup>29</sup> Guak Kepah merupakan sebutan masyarakat tempatan. Nama sebenarnya adalah Guar Kepah.

<sup>30</sup> Foong See Tonn, "The University of Malaya Archaeological Society's survey of the Kuala Muda area ( South Kedah ) in July 1956 ", *JMBRAS*, vol. XXXII ( 1 ), 1959, hlm. 209-213

bersistematis telah dimulai oleh Dr. Alastair Lamb pada tahun 1959-1961. Hasil yang terpenting daripada kegiatan beliau adalah galicari di Tapak 8 ( Candi Bukit Batu Pahat ). Beliau telah berjaya membina kembali struktur candi di tapak tersebut dengan bantuan M. Louis Contant daripada Perancis yang turut sama terlibat sewaktu pembinaan kembali Candi Angkor di Kemboja.<sup>31</sup> Sewaktu kerja-kerja galicari dilakukan beliau telah menemukan beberapa artifak Hindu-Buddha yang cukup berharga kepada sejarah Lembah Bujang. Di antara artifak tersebut adalah enam relikuari bersama *peripih* dan *somasutra*.<sup>32</sup> Lamb juga telah membuat kajian arkeologi di Tapak Permatang Pasir di kawasan Kuala Muda. Tapak ini pernah digalicari oleh Dorothy Wales. Kemudiannya kerja-kerja galicari telah diteruskan lagi oleh K.G Tregonning pada tahun 1957 sebelum disudahi oleh Alastair Lamb pada tahun 1961.<sup>33</sup>

Pada tahun 1970an penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang telah dilakukan sepenuhnya oleh kakitangan Jabatan Muzium ( sekarang dikenali dengan nama Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara ). Di antara penyelidik yang telah melakukan kajian adalah terdiri daripada Encik Al-Rashid, Leong Sau Heng ( dari Universiti Malaya ),<sup>34</sup> Tuan Haji Adi Bin Hj. Taha dan Encik Kamaruddin Bin Zakaria. Pada tahun 1977 Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah ditubuhkan untuk memperkembangkan lagi penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang dan hasil daripada penyelidikan yang telah dilakukan oleh penyelidik tempatan telah

---

<sup>31</sup> Alastair Lamb, " Restoring the temple on the river of cut stone " *Lembah Bujang*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980 , hlm. 70-78 .

<sup>32</sup> Alastair Lamb, *Chandi Bukit Batu Pahat : A report on the excavation of an ancient temple in Kedah* , Singapore : Eastern Universities Press, 1960, hlm. 74-108.

<sup>33</sup> Nik Hassan Shuhaimi, " Sejarah penyelidikan arkeologi di Kedah dan Seberang Prai" *Lembah Bujang*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 18-21.

<sup>34</sup> Leong Sau Heng, *A study of ceramic deposits from Pengkalan Bujang, Kedah*, Tesis Sarjana Sastera, University Malaya, 1973.

menghasilkan beberapa kejayaan seperti dengan terdirinya kembali 8 buah candi utama di Lembah Bujang yang mempunyai pengaruh Hindu-Buddha. Candi-candi tersebut adalah Tapak 21 dan 22 ( Kampung Pengkalan Bujang ), Candi Tapak 50 ( Kampung Bendang Dalam ), Candi Tapak 19 ( Kampung Pengkalan Bujang ), Candi Tapak 16 ( Kampung Pendiat ), Candi Tapak 11/3 ( Estate Sungai Batu ), Candi Tapak 5 ( Estate Sungai Batu ) dan Candi Tapak 8 ( Bukit Batu Pahat ).<sup>35</sup> Bahkan tapak peninggalan candi di atas juga telah dijaga kebersihannya sebagai salah satu tarikan tempat bersejarah dan tumpuan pelancongan di Lembah Bujang.

### **1.3 Latar Belakang Penyelidikan dan Pendekatan Penulisan Tesis**

Semenjak kajian I.H.N Evans pada awal tahun 1920an sememangnya telah banyak pendapat serta hipotesis telah dikemukakan oleh para sarjana berhubung peninggalan-peninggalan arkeologi yang terdapat di Lembah Bujang pada masa itu. Di antara pendapat lama yang paling mendapat perhatian serta telah mempengaruhi penulisan sejarah Kedah Tua adalah pendapat daripada H.G Quaritch-Wales . Beliau telah mendakwa bahawa penemuan-penemuan arkeologi di Lembah Bujang merupakan bukti yang jelas bahawa sememangnya terdapat pengaruh Hindu-Buddha yang amat kuat di Lembah Bujang. Quaritch-Wales berpendapat kawasan Lembah Bujang telah mengalami proses Indianisasi secara terus dari India dan beliau juga menduga Lembah Bujang merupakan bekas jajahan atau koloni India pada masa tersebut. Sehubungan dengan hal tersebut Wales telah membahagikan perkembangan Indianisasi di Semenanjung Tanah Melayu kepada empat fasa :<sup>36</sup>

---

<sup>35</sup> Lihat foto 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10 dan 11.

<sup>36</sup> H.G Quaritch-Wales, “ Archaeological researches on Indian ancient colonization in Malaya ” *JMBRAS*, vol.XVIII, 1940, hlm. 1-85.

- a) Bermula daripada abad pertama sehingga abad ketiga berdasarkan kepada jumpaan manik yang diduga berasal daripada Rom dan juga pecahan tembikar yang ditemui di Johor Lama. Walau bagaimanapun artifak yang mempunyai kesamaan seperti di atas tidak ditemui di sekitar Lembah Bujang.
- b) Sekitar 300 Masehi sehingga 550 Masehi. Tahap ini dianggap sebagai tahap pertama perkembangan sejarah Lembah Bujang dengan alasan yang dikemuka oleh Quaritch-Wales berdasarkan kepada jumpaan batu bertulis serta jumpaan Tapak Candi 1 hingga Tapak 3. Beliau juga berpendapat masyarakat awal pada waktu tersebut adalah beragama Hindu.
- c) Sekitar 550 Masehi sehingga 750 Masehi, Lembah Bujang telah dipengaruhi oleh unsur Hindu Pallava ( India Selatan ). Quaritch-Wales mengambil contoh Tapak candi 4 hingga Tapak Candi 9. Pada waktu ini beliau beranggapan masyarakat Lembah Bujang dipengaruhi oleh ajaran Siwa.
- d) Sekitar 750 Masehi sehingga 900 Masehi di Lembah Bujang secara umumnya diresapi oleh pengaruh Buddha aliran Mahayana. Beliau juga berpendapat pengaruh Hindu Buddha yang terdapat di Lembah Bujang adalah disebarluaskan secara langsung daripada India Selatan.

Dr. Quaritch-Wales telah berpendapat bahawa candi yang ditemui di Lembah Bujang sebenarnya merupakan unsur kebudayaan yang dibawa masuk secara langsung daripada India Selatan. Golongan masyarakat India yang menetap di Lembah Bujang kemudiannya telah menyebarkan kepercayaan dan budaya daripada India Selatan ke seluruh Lembah Bujang. Walau bagaimanapun pendapat beliau kemudiannya telah ditentang oleh Alastair Lamb yang berpendapat sebenarnya persamaan yang terdapat pada budaya India hanyalah pada konsep

bentuk bangunan candi itu sahaja sementara beberapa struktur bangunan candi di Lembah Bujang seperti asas pelapik tiang yang diduga sebagai tempat untuk meletakkan tiang daripada kayu merupakan unsur budaya tempatan dan diterapkan pada bangunan candi. Unsur bahan binaan yang merupakan sebahagian daripada bangunan candi tidak ditemui secara menyeluruh di India.

*“...While the plan of the temple bears many resemblances to the plan of early South Indian Temples, yet many of its features, the stone for timbers, the sloping timber struts a round the sanctuary wall... do not quite fit in with what we know of South Indian Practice ”.<sup>37</sup>*

Pendapat keduanya adalah daripada Wheatley. Beliau berpendapat sejarah di Lembah Bujang bermula daripada tiga kawasan tinggi iaitu Gunung Jerai, Bukit Penjara dan Bukit Batu Lintang. Sekitar abad ke 5 M, Lembah Bujang telah dipengaruhi oleh pengaruh Buddha, tiga abad kemudiannya Lembah Bujang telah dipengaruhi oleh pengaruh Hindu aliran Siwa dan penempatannya adalah sekitar bahagian tengah Sungai Bujang. Sementara abad ke 8 M dan abad ke 9 M unsur Buddha Mahayana telah mula dikenali di Lembah Bujang. Pada sekitar abad ke 10 M Lembah Bujang telah dikuasai kembali oleh pengaruh dan kepercayaan Hindu sementara kawasan penempatannya tertumpu di sepanjang Sungai Muda.<sup>38</sup>

Dr. Alastair Lamb pula telah memberikan gambaran secara umum terhadap perkembangan sejarah dan budaya Lembah Bujang. Beliau juga telah membahagikan perkembangan di atas kepada empat fasa, iaitu :

---

<sup>37</sup> Alastair Lamb, “ The temple on the river of cut stone ”, *Lembah Bujang*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 66.

<sup>38</sup> Wheatley, *op.cit.*, hlm.218.

- a) Pada tahap awal di Lembah Bujang telah bertapak pengaruh Buddha dengan terjumpanya inskripsi oleh Buddhagupta berhubung dengan kesyukurannya selamat di dalam pelayaran. Inskripsi ini diduga di antara abad ke 4 hingga abad ke 5 M.
- b) Tahap kedua adalah terdapatnya pengaruh daripada kerajaan Srivijaya ke atas Lembah Bujang. Alasan beliau berdasarkan kepada temuan arca gangsa yang telah dijumpai di Tapak 16 yang mempunyai kesamaan dengan yang terdapat di Srivijaya.
- c) Tahap ketiga adalah era Pengkalan Bujang yang berkembang sebagai salah sebuah pusat perdagangan serantau atau *entrepot* dan juga penempatan di sekitar Sungai Bujang, Sungai Merbok, Batu Lintang dan Tikam Batu. Era Pengkalan Bujang diperkirakan sekitar abad ke 11 M dan mula mengalami kemerosotan menjelang abad ke 14 M.
- d) Tahap terakhir adalah era Kuala Muda. Beliau berpendapat sekitar Kuala Muda telah berkembang sebagai pusat perdagangan dengan terjumpanya seramik biru putih ( Dinasti Ming ).<sup>39</sup>

Pendapat terakhir berhubung dengan budaya dan sejarah di Lembah Bujang telah diutarakan oleh Prof. Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. Beliau telah membahagikan penempatan di Lembah Bujang dan Lembah Muda kepada dua fasa, pertama adalah fasa Buddha yang bermula dari abad ke 6 hingga pertengahan abad ke 9 M. Penempatan yang utama pada waktu tersebut adalah

---

<sup>39</sup> Alastair Lamb," Miscellaneous papers on early Hindu and Buddhist settlement in Northern Malaya and Southern Thailand ,"*FMJ*, vol.6, 1961, hlm. 78 - 86.

sekitar Sungai Mas dan juga Selatan Sungai Muda.<sup>40</sup> Fasa kedua adalah dari abad ke 9 M hingga abad 13/14 M. Pada era ini kawasan penempatan yang terpenting adalah Pengkalan Bujang yang kemudiannya diduga telah berkembang menjadi sebuah pelabuhan *entrepot*. Pada waktu yang sama masyarakat sekitar Lembah Bujang telah menerima dan mengamalkan ajaran Sivaisme, ajaran ini diduga berkembang sekitar bahagian tengah dan atas Sungai Bujang serta di sepanjang Sungai Merbok Kecil. Sekitar abad ke 9 M ajaran Hindu yang menjadi anutan masyarakat Lembah Bujang telah bertukar kepada Buddha Mahayana. Menjelang abad ke 10 M ajaran Sivaisme telah berkembang kembali di sekitar Pengkalan Bujang terutama di bahagian utara termasuklah bahagian tengah dan atas Sungai Bujang serta di sepanjang Sungai Merbok Kecil.<sup>41</sup>

Pada tahap kedua ini juga Prof. Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman juga telah memasukkan perkembangan keagamaan daripada abad ke 10 M hingga kepada kemasukan Islam sekitar abad ke 15 M. Pendapat oleh Prof. Dr. Nik Hassan Shuhaimi telah disokong oleh Tuan Haji Adi B. Haji Taha yang menyatakan :

“...Kita dapati sejarah awal negeri Kedah bermula pada kira-kira kurun keempat atau kelima Masehi di Lembah Bujang. Kawasan ini berkembang dengan pesatnya, mencapai kemuncaknya pada kurun kesebelas hingga ke kurun keempat belas, dan selepas itu pusat perdagangan berpindah ke kawasan Sungai Muda. Pada masa itu, masyarakat Melayu masih lagi menganuti agama Hindu atau Buddha, sehingga tahun 1474 bilamana Raja dan seterusnya rakyat negeri memulakan penghidupan baru sebagai umat Islam.”<sup>42</sup>

---

<sup>40</sup> Nik Hassan Shuhaimi, *Art, archaeology and the early kingdoms in Malay Peninsula and Sumatra : c. 400- 1400 A.D.*, Ph.d Thesis , School of Oriental and African Studies, University of London, 1984, hlm. 237 .

<sup>41</sup> Nik Hassan Shuhaimi, *Art, archaeology and the early kingdoms...*, hlm. 238.

<sup>42</sup> Adi Bin Hj. Taha, *op.cit.*, hlm. 27.

Berdasarkan kepada penelitian yang telah dilakukan di Lembah Bujang oleh para penyelidik asing dan juga tempatan seperti yang telah disebutkan di atas maka tumpuan terhadap penulisan tesis ini akan diberikan keutamaan untuk di bahas sebagai landasan untuk melihat dengan lebih mendalam sejarah Lembah Bujang berhubung dengan kemasukan pengaruh India ke dalam masyarakat tempatan di mana sebahagian daripada para sarjana telah menyebut ianya sebagai suatu proses Indianisasi. Tumpuan akan diberikan lebih kepada peninggalan-peninggalan Hindu-Buddha yang meliputi :

- a) Struktur ( monumen ) candi dan ciri seni bina yang berhubungan dengan struktur candi. Ciri seni bina yang berkaitan dengan bangunan candi yang turut dibahas meliputi asas pelapik tiang, asas pelapik arca, struktur *somasutra* dan pembahagian bangunan candi berdasarkan kepada halaman *vimana* dan *mandapa*.
- b) Pembahasan berhubung dengan seni arca ( *ikonografi* ) Hindu-Buddha dan perkaitannya dengan teknik pahatan serta ciri-ciri arca Hindu-Buddha. Pembahasan seni arca akan dibahagikan kepada arca dewa dan arca yang melambangkan kedewaan seperti *lingga*, arca yang berkaitan dengan *vahana* dewa seperti Nandi dan Kurma, arca yang berhubungan dengan *sakhti* dewa seperti arca Durga Mahisasuramardhini dan arca atau pola hiasan yang berhubungan dengan bangunan candi seperti arca *dwarapala* dan arca *kala*.

Tinjauan yang dilakukan di dalam pembahasan nanti juga akan melihat sejauhmana peranan yang dimainkan oleh pengaruh luar yang diertikan sebagai pengaruh daripada India serta penyebarannya di sekitar Lembah Bujang. Peranan kemasukan pengaruh budaya daripada India ini akan ditinjau berdasarkan kepada

konsep candi dan ciri-ciri berkaitan dengan seni bina candi seperti asas pelapik arca, asas pelapik tiang dan *somasutra* dengan perbandingan daripada segi teknik pembuatan sama ada lebih cenderung kepada buatan masyarakat luar (daripada India) ataupun ianya lebih cenderung kepada buatan masyarakat tempatan.

c) Tinjauan juga akan dilakukan terhadap unsur relikuari bersama-sama dengan *peripih* yang telah dijumpai di sekitar Lembah Bujang serta peranannya terhadap pengaruh Hindu-Buddha. Kajian relikuari ini akan ditumpukan kepada temuan di Tapak 8, Tapak 19 dan juga Tapak 16.

Perlu ditegaskan di sini bahawa perkembangan penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang adalah semakin pesat semenjak penubuhan sebuah muzium lapangan (*site museum*) di Bukit Batu Pahat pada tahun 1977. Muzium yang dikenali sebagai Muzium Arkeologi Lembah Bujang ini telah melakukan kegiatan survei arkeologi dan juga galicari di antaranya di Tapak 23 ( Kampung Pengkalan Bujang ) pada tahun 1980 , Tapak 32 ( Kampung Sungai Mas ) pada tahun 1982 dan Tapak 8a ( Bukit Batu Pahat dilakukan galicari pada bulan Jun 1997 ). Kesemua galicari ini dapat dijalankan dengan lebih sistematik, terkawal ( dari segi penelitian dan merekod artifak yang dijumpai ) dan dilakukan dengan lebih meluas berbanding dengan kerja-kerja galicari yang dilakukan umpamanya oleh Quaritch-Wales ataupun Alastair Lamb.

Projek-projek galicari yang dijalankan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara sejak tahun 1980 an telah memperolehi banyak data baru. Bahkan beberapa tapak lama yang telah digalicari oleh Quaritch-Wales turut diperkembangkan lagi penyelidikannya seperti penemuan Tapak 8a ( pada bahagian sebelah kiri daripada Tapak 8 Candi Bukit Batu Pahat ). Kerja galicari Tapak 8a telah dimulai penggalian pada bulan Julai 1997 dan masih lagi berlangsung sehingga kini. Buat

sementara hasil yang diperolehi adalah jaluran struktur panjang yang disusun daripada batu sungai.

Penemuan tapak di kawasan Kuala Muda , terutamanya di Kampung Sungai Mas telah membolehkan Prof. Dr. Nik Hassan Shuhaimi memberikan gambaran baru terhadap perkembangan sejarah secara umum di Lembah Bujang seperti yang telah dijelaskan di atas. Walau bagaimanapun pada hakikatnya masih terdapat beberapa data arkeologi yang masih belum dikaji secara menyeluruh , terutamanya analisis dan juga perbandingan ciri-ciri seni bina, arca-arca, jumpaan-jumpaan baru serta perbandingan di antara tapak . Sebagai contohnya galicari Tapak 8a diharapkan akan dapat menjawab persoalan berhubung peranan Candi Tapak 8 ( Candi Bukit Batu Pahat ). Memandangkan terdapatnya begitu banyak tapak arkeologi di Lembah Bujang maka untuk tujuan penulisan ini hanya tapak yang mempunyai rekod yang lebih lengkap yang akan dipilih untuk tujuan penelitian agar dapat memberikan kepada kita satu gambaran yang lebih menyeluruh dan jelas.

Ketepatan pendapat daripada para pengkaji terdahulu harus dinilai kembali dengan menggunakan data arkeologi yang baru agar perkembangan penyelidikan di Lembah Bujang sentiasa membicarakan data baru yang dapat melengkapi data yang sedia ada.

#### **1.4 Metode Penelitian**

Di dalam penulisan tesis ini, penelitian yang akan digunakan adalah merupakan huraian yang bersifat deskripsi iaitu memberikan penjelasan berhubung dengan sesuatu artifak yang mewakili bidang pembahasan agar

menepati kepada sasaran penelitian.<sup>43</sup> Huraian bersifat deskripsi digunakan kerana iaanya melibatkan bahan-bahan *primary* yang telah diperolehi dari kerja-kerja galicari arkeologi dan kebanyakannya data-data ini masih belum diterbitkan lagi. Sehubungan dengan hal tersebut pembahagian adalah berdasarkan kepada peninggalan candi yang terdapat di Lembah Bujang ( yang telah dapat di bina kembali ) terdiri daripada Tapak 21 dan 22, Tapak 19, Tapak 11/3, Tapak 5, Tapak 50, Tapak 16, Tapak 8 sementara Tapak 31 ( dibiarkan tanpa sebarang pembinaan kembali ). Berdasarkan kepada struktur bangunan candi beberapa pembahasan juga akan melibatkan perkaitan di antara bangunan candi dengan struktur candi itu sendiri seperti aras pelapis tiang, pembahagian halaman candi, *somasutra* dan perletakkan susun atur arca seperti *lingga* dan juga *yoni* di dalam bangunan candi. Hal yang sama juga akan melibatkan seni arca yang kemudiannya akan dipisahkan kepada arca yang berkaitan dengan dewa, *vahana*, *sakhti*, arca yang berhubungkait dengan bangunan candi seperti *kala* dan arca *dwarapala* tidak ketinggalan peranan relikuari dan *peripih*<sup>44</sup> yang ditemui di Tapak 8, Tapak 16 dan di Tapak 19 serta arca yang berhubungan dengan ajaran Buddha. Untuk lebih memahami berhubung kesemua peninggalan yang telah ditemui di candi-candi kuno, maka satu kajian perbandingan juga akan dibuat dengan candi-candi baru yang terdapat di sekitar Lembah Bujang.

Selanjutnya setelah diperolehi maklumat yang bersifat representatif dari objek kajian akan dilakukan perbandingan berdasarkan peranannya di dalam bidang keagamaan masing-masing sama ada bercirikan Hindu ataupun Buddha. Perhubungan perbandingan ini meliputi juga *atribut / laksana* yang digunakan oleh setiap arca serta ciri-ciri yang berkaitan dengan unsur keagamaan masyarakat pendukungnya pada waktu tersebut. Berdasarkan kepada data yang telah

---

<sup>43</sup> J. Vredenbregt, *Metode dan teknik penelitian masyarakat*, Jakarta : P.T Gramedia , 1984, hlm. 34 .

<sup>44</sup> *Peripih* adalah *contents* atau bahan-bahan yang terdapat dalam peti-peti relikuari.

dikumpulkan akan cuba dihubungkaitkan dengan proses Indianisasi yang sering diperkatakan oleh para sarjana mengenai kemasukan pengaruh budaya India secara langsung daripada Benua Kecil.

Kajian penulisan tesis ini juga menerapkan huraian bersifat induktif. Penghuraian data secara induktif bermula daripada pengumpulan data di lapangan atau pun dari sumber bercetak dan kemudiannya dilakukan analisis dan perbincangan data. Di dalam hal ini pembahasannya akan meliputi bidang percandian, seni arca Hindu dan juga Buddha serta artifak yang berhubungan dengan unsur keagamaan Hindu-Buddha sebelum dikaitkan dengan proses budaya yang berlaku secara keseluruhannya di Lembah Bujang. Setelah kesemua data yang terkumpul dikaji maka kemudiannya akan dibuat satu kesimpulan yang bersifat umum.<sup>45</sup>

Pembahagian penelitian terhadap penulisan ini akan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu pertama pengumpulan data, keduanya analisis data dan ketiganya deskripsi data. Pengumpulan data dilakukan dengan pengamatan secara langsung di lapangan dan juga dengan merujuk kepada bahan kepustakaan.<sup>46</sup> Pengamatan langsung ini meliputi candi, seni arca Hindu-Buddha dan juga artifak keagamaan yang telah dijumpai di sekitar Lembah Bujang termasuklah jumpaan terbaru yang diperolehi secara survei permukaan.

---

<sup>45</sup> Sutrisno Hadi, *Metodologi Research*, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan Psikologi UGM, 1987, hlm. 42.

<sup>46</sup> Sartono Kartodirjo, " Metode penggunaan bahan dokumen " dalam Koentjaraningrat, dalam *Metode-metode penelitian masyarakat*, Jakarta : P.T. Gramedia, 1986, hlm. 46.